KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	JPSM			

MPKS tanam pokok bakau cegah hakisan



RAHILAH (dua dari kiri) di program tanam pokok anjuran bersama MPKS dengan kerjasama Enquest Petroleum Development Malaysia dan Malaysian Nature Society di Taman Alam Kuala Selangor, semalam.

Kuala Selangor: Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) menanam pokok bakau di pesisir pantai daerah ini dalam usaha mencegah hakisan akibat ombak dan fenomena air pasang besar.

Yang Dipertua MPKS, Rahilah Rahmat berkata, fenomena itu boleh membawa kepada kemusnahan teruk di daratan hingga menyebabkan risiko banjir.

"Sebelum ini, air pasang besar di beberapa kawasan di Kuala Selangor menyebabkan berlaku banjir dan menjadi lebih buruk sekiranya berlaku pertembungan air laut di lembangan sungai disertai hujan lebat.

"Jadi, tindakan segera perlu diambil iaitu dengan menanam pokok bakau kerana fenomena air pasang besar berlaku sekitar Oktober dan November.

"Spesies pokok itu terbukti mampu menghalang hakisan disebabkan hempasan ombak kuat dan kejadian tsunami seperti berlaku di Langkawi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program tanam pokok anjuran MPKS, Enquest Petroleum Development Malaysia dan Malaysian Nature Society di Taman Alam Kuala Selangor, dekat sini, semalam.

Beliau berkata, usaha penanaman akan dipergiatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan ekosistem habitat semula jadi hasil laut terus membiak.

Menurutnya, pada tahun ini, tiga program dianjurkan bagi usaha pemuliharaan kawasan paya bakau di pesisir pantai Kuala Selangor dan 400 pokok paya bakau ditanam di kawasan keluasan 900 meter persegi.

HM 29.11.2021_18